



PERCERAIAN: PANDUAN MEMAHAMI HUKUM SYARIAH

eBook ini memberikan panduan yang mudah difahami mengenai proses perceraian dalam Islam.

Mohd Redzwan bin Abdul Motalib
Nur Liyana binti Rusli
Nor Fauziana binti Mohd Salleh

**PERCERAIAN:
PANDUAN
MEMAHAMI HUKUM
SYARIAH**

Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib
Nur Liyana binti Rusli
Nor Fauziana binti Mohd Salleh

PERCERAIAN: PANDUAN MEMAHAMI HUKUM SYARIAH

Hak Cipta Kolej Komuniti Jerantut, 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Jerantut terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
TAMAN WAWASAN
27000 JERANTUT,
PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA

<http://kkjerantut.mypolycc.edu.my>

e ISBN 978-967-13568-3-8

PRAKATA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, eBook bertajuk “Penceraian: Panduan Memahami Hukum Syariah” ini dapat diterbitkan sebagai salah satu inisiatif ke arah memperkasa ilmu dalam kalangan masyarakat.

Penceraian sering menjadi topik yang sensitif namun amat penting untuk difahami dengan betul, khususnya dalam konteks hukum syariah. Ramai dalam kalangan masyarakat kita kurang jelas tentang proses, hak dan tanggungjawab yang berkait rapat dengan penceraian. Justeru, penerbitan eBook ini amat tepat pada masanya sebagai satu bahan rujukan asas yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.



**AZAD MUSLIM BIN MUHAMMAD
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI
JERANTUT**

Saya percaya kandungan buku ini bukan sahaja memberi pencerahan dari sudut hukum, malah mampu menjadi panduan berguna kepada individu, pasangan, dan keluarga dalam mengharungi situasi getir dengan lebih bijak dan berhemah. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi institusi pendidikan dalam menyampaikan ilmu yang relevan dengan kehidupan seharian.

Tahniah dan syabas kepada penulis serta semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga eBook ini memberi manfaat, membuka minda dan menyemai kefahaman yang lebih mendalam terhadap hukum syariah berkaitan penceraian.

Prakata Penulis

Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan kekuatan dan ilham kepada kami untuk menyiapkan buku ini. Buku ini tidak akan terhasil tanpa sokongan dan bantuan daripada banyak pihak.

Pertama sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Jerantut yang telah memberi peluang dan sokongan penuh dalam merealisasikan penerbitan buku ini. Penghargaan khusus kepada rakan-rakan pensyarah yang telah memberikan input berharga dan bantuan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para pelajar yang sentiasa memberi inspirasi dengan semangat dan keinginan mereka untuk belajar. Maklum balas dan soalan-soalan mereka telah membantu dalam memperkayakan kandungan buku ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan moral dan motivasi. Tanpa doa dan dorongan mereka, usaha ini mungkin tidak dapat disempurnakan.


Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga buku ini dapat memberikan manfaat dan panduan yang berguna kepada semua pembaca dalam memahami proses perceraian menurut hukum syariah di Malaysia. Sekian, terima kasih.

SIDANG REDAKSI



Mohd Redzwan bin Abdul Mutalib

Ketua Penulis



Nur Liyana binti Rusli

Penolong Ketua Penulis



Nor Fauziana binti Mohd Salleh

Pereka Grafik

Isi Kandungan

Pengenalan	1
Talak	2
Fasakh	6
Khulu'	9
Hak dan Tanggungjawab Selepas Perceraian	13
Implikasi Emosi dan Sosial	22
Kesimpulan dan Refleksi	30
Kajian Kes	35

Pengenalan kepada Perceraian dalam Islam



Definisi

Perceraian dalam Islam merujuk kepada pembubaran ikatan perkahwinan yang sah antara suami dan isteri. Perceraian dianggap sebagai pilihan terakhir apabila semua usaha untuk menyelamatkan perkahwinan telah gagal. Dalam Islam, perceraian dibenarkan tetapi tidak digalakkan. Ia adalah satu tindakan yang dibolehkan (mubah) tetapi dibenci oleh Allah SWT kerana ia membawa kepada perpecahan keluarga.

Dibenarkan tetapi tidak digalakkan

- **Dibenarkan:** Perceraian dibenarkan dalam Islam sebagai jalan terakhir jika perkahwinan tidak dapat diteruskan dan tidak memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.
 - **Tidak Digalakkan:** Islam menganggap perceraian sebagai sesuatu yang tidak disukai dan lebih baik dielakkan jika boleh, kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada individu dan keluarga. Islam menekankan pentingnya menyelesaikan konflik dan memelihara keharmonian rumah tangga
-

Jenis Talak



Talak Raj'i

Definisi: Talak yang boleh dirujuk semula oleh suami dalam tempoh iddah (tempoh menunggu) tanpa perlu melalui proses perkahwinan baru. Contoh: Jika suami melafazkan talak satu atau dua kali, ia dianggap sebagai talak raj'i.

Talak Ba'in Sugra

Definisi; hubungan suami isteri terputus secara sementara dan tidak boleh dirujuk semula tanpa perkahwinan baru.

Contoh: Talak yang dilafazkan lebih dari dua kali dalam satu tempoh.



Talak Ba'in Kubra

Definisi: Talak yang menyebabkan perpisahan kekal antara suami dan isteri, dan pasangan perlu melalui proses perkahwinan baru jika ingin bersatu semula.

Contoh: Talak tiga kali secara berasingan atau selepas talak ba'in sugra dan kemudian talak kedua.

Syarat-Syarat Talak Menjadi Sah:



Syarat Kelayakan

Suami yang melafazkan talak haruslah berakal dan tidak dalam keadaan mabuk atau gila.



Tempoh Iddah

Talak sepatutnya diucapkan semasa wanita itu tidak dalam keadaan haid atau ketika dia tidak hamil. Iddah adalah tempoh tunggu selepas talak untuk memastikan tiada masalah seperti kehamilan.



Rukun Talak

Lafaz talak mesti jelas dan dilakukan dengan niat yang sebenar. Contohnya, suami harus mengucapkan lafaz talak dengan jelas seperti "Aku ceraikan kamu" dan bukan dalam keadaan emosi marah atau tanpa kesedaran.




Video Pendek

Tujuan dan kepentingan



Melindungi Kepentingan dan Kesejahteraan Individu

Apabila perkahwinan tidak lagi boleh dipertahankan dan hanya mendatangkan mudarat kepada pasangan, perceraian boleh menjadi langkah yang perlu untuk melindungi kesejahteraan fizikal dan mental mereka.



Memelihara Kesucian Agama

Islam menekankan pentingnya memelihara kesucian agama dalam perkahwinan. Apabila pasangan tidak lagi mampu melaksanakan tanggungjawab agama mereka dalam perkahwinan, perceraian mungkin menjadi pilihan yang lebih baik.



Tujuan dan kepentingan



Mengelakkan Kemudaratannya Lebih Besar

Dalam sesetengah keadaan, tinggal dalam perkahwinan yang bermasalah boleh mendatangkan kemudaratannya yang lebih besar kepada pasangan dan anak-anak. Perceraian boleh membantu mengurangkan kemudaratannya ini.



Keadilan dan Kesaksamaan

Islam mengutamakan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Jika salah satu pasangan merasa teraniaya atau tidak mendapat keadilan dalam perkahwinan, mereka berhak untuk menuntut perceraian sebagai cara untuk mencapai keadilan.

Definisi Fasakh



Fasakh adalah tindakan pembatalan perkahwinan yang dilakukan oleh pihak berkuasa (mahkamah syariah atau kadi) apabila terdapat alasan-alasan tertentu yang menyebabkan perkahwinan tersebut tidak lagi sah atau tidak boleh diteruskan demi menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak.

01.

Penerimaan Permohonan

Penerimaan Awal: Mahkamah syariah menerima dan menyemak permohonan serta dokumen yang disertakan.

Penilaian Awal: Mahkamah menilai sama ada alasan yang diberikan cukup kuat untuk meneruskan kes fasakh.

PENGAJUAN PERMOHONAN -

Isteri mengajukan permohonan fasakh kepada mahkamah syariah dengan memberikan alasan yang sah mengikut syariat

02.

Notifikasi pada suami

Pemberitahuan:

Suami diberitahu tentang permohonan fasakh dan diberikan salinan permohonan serta dokumen yang berkaitan.

Panggilan Hadir: Suami dipanggil untuk hadir di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan.

03.

Proses Fasakh Dalam Islam

8

Divorc

04.

Sesi Mahkamah

- Sidang Pertama: Kedua-dua pihak (suami dan isteri) hadir di mahkamah untuk mendengar dan membentangkan hujah masing-masing.
- Pemeriksaan Bukti: Mahkamah meneliti bukti dan saksi yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak.
- Pemeriksaan Suami: Suami diberi peluang untuk memberikan keterangan dan membela diri.

Keputusan Mahkamah

Keputusan:
Jika mahkamah mendapati alasan fasakh adalah sah dan kukuh, mahkamah akan mengeluarkan perintah fasakh dan membatalkan perkahwinan tersebut.

Law

05.

Proses Lanjutan

- Nafkah Iddah: Mahkamah boleh menetapkan nafkah iddah yang perlu diberikan oleh suami kepada isteri semasa tempoh iddah.
- Penjagaan Anak: Jika pasangan mempunyai anak, mahkamah juga akan membuat keputusan mengenai hak penjagaan anak dan nafkah anak.

06.

PROSES KHULU'

9

Proses pembatalan perkahwinan di mana isteri meminta cerai daripada suami dengan membayar ganti rugi atau mengembalikan mahar (mas kahwin) yang diterima semasa perkahwinan. Berikut adalah proses khulu' dalam Islam:



PERMOHONAN ISTERI

Isteri mengajukan permohonan khulu' kepada suami dan menyatakan kesediaannya untuk mengembalikan mahar atau membayar ganti rugi.



Persetujuan Suami

Suami dan isteri boleh mengadakan perundingan untuk mencapai kesepakatan mengenai syarat khulu', termasuk jumlah ganti rugi atau pengembalian mahar.



Proses Mahkamah

Jika suami tidak bersetuju atau terdapat perselisihan, isteri boleh mengajukan permohonan khulu' ke mahkamah syariah.



Pelaksanaan Khulu'

Selepas pembayaran ganti rugi, perkahwinan dibatalkan secara sah dan isteri bebas dari ikatan perkahwinan.

Perbezaan antara Khulu', Talak, dan Fasakh



Inisiatif: Isteri

Khulu'

Pampasan: Isteri menawarkan pampasan kepada suami.

Sebab: Tidak memerlukan sebab tertentu, biasanya kerana ketidakserasian.



video pendek

Perbezaan antara Khulu', Talak, dan Fasakh



Inisiatif: Suami.

Talak

Pampasan: Tiada pampasan diperlukan.

Sebab: Tidak memerlukan sebab tertentu; suami boleh menceraikan isteri bila-bila masa.

Perbezaan antara Khulu', Talak, dan Fasakh



Inisiatif: Isteri atau pihak ketiga (seperti mahkamah).

Fasakh

Pampasan: Tiada pampasan.

Sebab: Berdasarkan sebab-sebab tertentu seperti kekejaman, tidak memberi nafkah, atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan.



Hak & Tanggungjawab Selepas Perceraian

Selepas perceraian, terdapat beberapa hak dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh kedua-dua pihak bagi memastikan kebajikan mereka sendiri serta anak-anak yang terlibat. Islam memberikan panduan yang jelas mengenai perkara ini untuk memastikan keadilan dan kesejahteraan selepas perceraian. Berikut adalah penjelasan terperinci mengenai hak dan tanggungjawab suami dan isteri selepas perceraian:

Hak dan Tanggungjawab Suami Selepas Perceraian

Nafkah Iddah

- **Definisi:** Nafkah iddah adalah nafkah yang perlu disediakan oleh suami kepada isteri yang diceraikan sepanjang tempoh iddah. Tempoh iddah biasanya adalah tiga kali haid bagi wanita yang tidak hamil, atau sehingga melahirkan anak bagi wanita yang hamil.
- **Kewajipan:** Suami perlu menanggung nafkah isteri selama tempoh iddah ini, termasuk menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian, dan keperluan asas lain.

Hak dan Tanggungjawab Suami Selepas Perceraian

Nafkah Anak-anak

- **Definisi:** Nafkah anak-anak merangkumi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, dan kesihatan.
- **Kewajipan:** Suami bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah bagi anak-anak hasil daripada perkahwinan walaupun selepas perceraian. Ini termasuk membayar perbelanjaan yang diperlukan untuk kebajikan anak-anak sehingga mereka mencapai umur dewasa atau mampu berdikari.

Hak dan Tanggungjawab Suami Selepas Perceraian

Hak Penjagaan Anak (Hadhanah)

- **Definisi:** Hadhanah adalah hak penjagaan anak-anak selepas perceraian. Hak ini biasanya diberikan kepada ibu kecuali jika terdapat sebab-sebab tertentu yang menghalang ibu daripada menjaga anak-anak.
- **Kewajipan:** Walaupun hak penjagaan diberikan kepada ibu, bapa tetap mempunyai tanggungjawab untuk melawat dan mengambil berat tentang anak-anak mereka. Bapa juga perlu memberikan nafkah anak-anak seperti yang ditetapkan

Hak dan Tanggungjawab Suami Selepas Perceraian

Mahar yang Tertunggak

- Definisi: Mahar adalah pemberian wajib daripada suami kepada isteri semasa perkahwinan. Jika terdapat mahar yang belum dibayar, ia menjadi tanggungjawab suami untuk menyelesaikannya selepas perceraian.
- Kewajipan: Suami perlu membayar mahar yang tertunggak jika belum dilunaskan semasa perkahwinan.

Hak dan Tanggungjawab Isteri Selepas Perceraian

Menerima Nafkah Iddah

- Hak: Isteri berhak menerima nafkah iddah daripada suami sepanjang tempoh iddah seperti yang ditetapkan.
- Kewajipan: Isteri perlu menghormati tempoh iddah dan tidak terlibat dalam pernikahan lain sepanjang tempoh tersebut.

Hak dan Tanggungjawab Isteri Selepas Perceraian

Penjagaan Anak (Hadhanah)

- **Hak:** Isteri berhak mendapatkan hak penjagaan anak-anak selepas perceraian jika tiada halangan syariah. Ibu biasanya diberi keutamaan dalam penjagaan anak-anak terutamanya jika anak-anak masih kecil.
- **Kewajipan:** Isteri perlu menjaga anak-anak dengan baik dan memastikan kebajikan mereka terjaga. Ibu juga perlu memberi akses kepada bapa untuk melawat anak-anak dan memenuhi hak-hak mereka.

Hak dan Tanggungjawab Isteri Selepas Perceraian

Menerima Nafkah Anak-anak

- Hak: Isteri berhak menerima nafkah anak-anak daripada suami untuk memastikan kebajikan dan keperluan anak-anak terjaga.
- Kewajipan: Isteri perlu menggunakan nafkah yang diberikan suami untuk keperluan anak-anak dan memastikan kebajikan mereka dijaga dengan baik.

Hak dan Tanggungjawab Isteri Selepas Perceraian

Hak terhadap Mahar

- Hak: Isteri berhak menerima mahar yang belum dilunaskan oleh suami. Jika terdapat mahar tertunggak, ia menjadi hak isteri untuk menuntutnya selepas perceraian.
- Kewajipan: Isteri perlu menuntut haknya dengan cara yang betul mengikut prosedur yang ditetapkan oleh syariah.

Implikasi Emosi dan Sosial Perceraian

Perceraian tidak hanya memberi kesan kepada pasangan suami isteri yang terlibat, tetapi juga kepada anak-anak mereka, terutama remaja. Remaja yang sedang melalui fasa perkembangan emosi dan sosial yang kritikal mungkin menghadapi cabaran yang lebih besar dalam menyesuaikan diri dengan perubahan ini.



Menyampah Sokmo



Tekanan Emosi

Stress



Panas Baran



Cari Pasal

Serabut



Implikasi Emosi terhadap Remaja



Tekanan Emosi

Kesedihan dan Kehilangan:

Remaja mungkin merasa sedih dan kehilangan apabila ibu bapa mereka bercerai. Mereka mungkin merasa kehilangan salah satu atau kedua-dua ibu bapa yang mereka sayangi.

Kemarahan dan Frustrasi:

Perceraian boleh menyebabkan remaja merasa marah dan frustrasi, terutama jika mereka merasa bahawa ibu bapa mereka tidak cuba cukup untuk menyelamatkan perkahwinan.

Implikasi Emosi terhadap Remaja



Keresahan dan Ketidakpastian

Ketidakpastian Masa Depan:

Remaja mungkin merasa cemas mengenai masa depan mereka dan keluarga mereka. Mereka mungkin bimbang tentang perubahan dalam kehidupan harian mereka, termasuk tempat tinggal, sekolah, dan hubungan sosial.

Keresahan Emosi:

Perceraian boleh menyebabkan keresahan emosi yang berpanjangan, termasuk perasaan tidak selamat dan kebimbangan mengenai hubungan masa depan mereka sendiri.

Implikasi Emosi terhadap Remaja



Kesejahteraan Psikologi

Kemurungan:

Remaja mungkin mengalami kemurungan akibat perceraian ibu bapa. Ini boleh berlaku apabila mereka merasa tertekan, hilang motivasi, dan kehilangan minat dalam aktiviti yang mereka gemari sebelum ini.

Masalah Tingkah Laku:

Beberapa remaja mungkin menunjukkan masalah tingkah laku sebagai tindak balas terhadap tekanan emosi, termasuk pemberontakan, penurunan prestasi akademik, atau terlibat dalam kegiatan berisiko.

Implikasi Sosial terhadap Remaja

Perubahan dalam Hubungan Keluarga:



Hubungan dengan Ibu Bapa

Perceraian boleh mengubah dinamika hubungan remaja dengan ibu bapa mereka. Mereka mungkin merasa lebih dekat dengan salah satu ibu bapa dan lebih jauh dengan yang lain, atau merasa terperangkap di antara kedua-duanya.



Hubungan dengan Saudara

Hubungan antara adik-beradik juga boleh terjejas, kerana mereka mungkin mengalami tekanan dan kesedihan yang serupa, tetapi bertindak balas dengan cara yang berbeza.



Implikasi Sosial terhadap Remaja

Perubahan dalam Rangkaian Sosial:



Rakan Sebaya:

Remaja mungkin merasa terasing atau berbeza daripada rakan sebaya mereka yang datang dari keluarga yang utuh. Mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk bercakap mengenai perceraian dengan rakan-rakan mereka.



Hubungan dengan Saudara:

Kegiatan sosial remaja, seperti kelab sekolah atau aktiviti sukan, mungkin terjejas akibat perubahan dalam kehidupan keluarga mereka. Mereka mungkin kurang berminat atau merasa kurang motivasi untuk menyertai kegiatan tersebut.



Implikasi Sosial terhadap Remaja

Perubahan dalam Rangkaian Sosial:



Tempat Tinggal:

Perubahan tempat tinggal selepas perceraian boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam kehidupan remaja. Mereka mungkin perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, sekolah baru, dan rakan baru.

Implikasi Sosial terhadap Remaja

Kewangan:



Keadaan kewangan keluarga mungkin terjejas akibat perceraian, yang boleh mempengaruhi remaja dalam bentuk pengurangan aktiviti sosial atau peluang pendidikan.

Kesimpulan dan Refleksi

Proses perceraian dalam Islam bukan hanya sekadar suatu proses perundangan, tetapi juga suatu perjalanan emosi dan spiritual yang memerlukan pemahaman mendalam dan pendekatan yang penuh hikmah. Melalui eBook ini, pelbagai pelajaran penting telah dikupas, memberikan panduan yang komprehensif untuk memahami dan menghadapi perceraian menurut hukum syariah di Malaysia. Dalam kesimpulan ini, kita akan merumuskan pelajaran utama yang boleh diambil dan bagaimana remaja boleh menggunakan pengetahuan ini untuk membantu diri mereka dan orang lain dalam situasi perceraian.



Kesimpulan dan Refleksi

Pelajaran yang Boleh Diambil daripada Pemahaman tentang Proses Perceraian dalam Islam

1. Kepentingan Mematuhi Hukum Syariah:



Perceraian dalam Islam adalah proses yang diatur dengan teliti oleh syariah. Memahami hukum-hukum yang berkaitan dengan talak, fasakh, dan khulu' membantu individu menjalani proses ini dengan cara yang betul, mengelakkan kezaliman, dan memastikan keadilan terjaga untuk kedua-dua pihak.



Pelajaran utama di sini adalah bahawa mematuhi hukum syariah tidak hanya memastikan proses perceraian yang sah, tetapi juga meminimalkan konflik dan memberikan perlindungan kepada hak-hak semua pihak yang terlibat.

Kesimpulan dan Refleksi

Pelajaran yang Boleh Diambil daripada Pemahaman tentang Proses Perceraian dalam Islam

2. Hak dan Tanggungjawab dalam Perceraian:



Mengetahui hak dan tanggungjawab suami isteri selepas perceraian adalah kunci untuk mengekalkan keharmonian dan mengelakkan pertikaian yang berlarutan.



Isteri, sebagai contoh, berhak menerima nafkah iddah dan mut'ah, sementara suami bertanggungjawab untuk memberikan nafkah ini. Memahami hak dan tanggungjawab ini membantu dalam penyelesaian yang lebih damai dan adil.

Kesimpulan dan Refleksi

Pelajaran yang Boleh Diambil daripada Pemahaman tentang Proses Perceraian dalam Islam

3. Peranan Spiritual dan Emosi dalam Perceraian:



Perceraian bukan hanya mempengaruhi status perundangan tetapi juga mempunyai implikasi emosi dan spiritual yang mendalam. Islam mengajarkan umatnya untuk menghadapi perceraian dengan sabar, redha, dan doa.



Pelajaran yang boleh diambil adalah pentingnya menjaga kesejahteraan emosi dan spiritual melalui ibadah, zikir, dan sokongan komuniti, yang dapat membantu individu mengatasi tekanan dan kesedihan akibat perceraian.

Kesimpulan dan Refleksi

Pelajaran yang Boleh Diambil daripada Pemahaman tentang Proses Perceraian dalam Islam

4. Kepentingan Mediasi dan Penyelesaian Konflik:



Islam menganjurkan penyelesaian konflik melalui mediasi sebelum perceraian diputuskan. Peranan hakam atau penengah dalam membantu pasangan mencari jalan penyelesaian adalah sangat penting.



Ini mengajar kita tentang nilai mediasi, komunikasi terbuka, dan usaha bersama untuk menyelesaikan masalah perkahwinan sebelum memilih jalan perceraian.

Kajian Kes:

Perceraian Talak



Kajian kes ini membincangkan perceraian talak satu dalam sebuah keluarga yang telah berkahwin selama 10 tahun dan mempunyai dua orang anak berusia 8 dan 6 tahun. Talak satu telah dilafazkan oleh suami semasa pertengkaran serius, dengan prosedur

syariah yang sah di hadapan saksi dan didaftarkan di Mahkamah Syariah. Isteri menjalani tempoh iddah selama tiga kali haid, di mana suami masih bertanggungjawab menanggung nafkahnya. Kesannya terhadap anak-anak adalah ketara, dengan mereka mengalami kesukaran emosi dan tanda-tanda kemurungan yang menjejaskan prestasi pelajaran mereka. Walaupun begitu, ibu bapa berusaha untuk mengekalkan hubungan baik demi kebajikan anak-anak dengan menetapkan jadual lawatan dan pertemuan yang teratur. Kesimpulannya, kajian ini menekankan pentingnya komunikasi yang baik antara bekas suami isteri untuk menjaga kebajikan anak-anak dan keperluan sokongan emosi serta kaunseling bagi anak-anak yang terjejas.



Kajian Kes:

Perceraian Fasakh



Kajian kes ini membincangkan perceraian fasakh yang dipohon oleh seorang isteri setelah mendapati suaminya terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan keganasan rumah tangga. Pasangan ini mempunyai seorang anak perempuan

berusia 5 tahun. Proses perceraian dilakukan melalui prosedur syariah, di mana isteri mengemukakan bukti keganasan dan penyalahgunaan dadah di Mahkamah Syariah, yang akhirnya membenarkan permohonan fasakh. Hak penjagaan anak diberikan kepada ibu kerana keadaan suami yang tidak stabil. Kesan terhadap isteri adalah ketara, dengan kesukaran kewangan selepas perceraian kerana suami tidak menanggung nafkah. Namun, dengan sokongan keluarga dan rakan-rakan, isteri berjaya memulihkan kestabilan hidup dan menyediakan persekitaran yang selamat untuk anaknya. Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan perlindungan undang-undang dan sokongan sosial bagi wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga serta keperluan kerjasama ibu bapa dalam memberikan persekitaran yang stabil dan selamat untuk anak-anak.





Testimoni

Pengalaman Remaja Menghadapi Perceraian Ibu Bapa

Nama: Aina, 17 tahun

"Ketika ibu bapa saya bercerai, saya rasa dunia saya runtuh. Saya merasa marah, keliru, dan tidak tahu kepada siapa hendak berpaling. Namun, dengan bantuan kaunselor sekolah dan sokongan rakan-rakan, saya belajar untuk menerima keadaan ini. Saya juga mendapati bahawa menjaga komunikasi dengan kedua-dua ibu bapa saya sangat penting. Walaupun mereka tidak lagi bersama, mereka masih sayangkan saya dan adik-beradik saya. Hari ini, saya rasa lebih kuat dan lebih bijak dalam menghadapi cabaran hidup."

Testimoni: Sokongan Kaunselor Keluarga



Testimoni

Sokongan Kaunselor Keluarga

Nama: Encik Ahmad, Kaunselor Keluarga

"Sebagai kaunselor keluarga, saya sering bertemu dengan remaja yang terjejas akibat perceraian ibu bapa mereka. Satu perkara yang saya selalu tekankan ialah pentingnya untuk remaja menyuarakan perasaan mereka. Banyak remaja merasa terbeban dengan emosi tetapi tidak tahu bagaimana untuk mengatasinya. Dengan sesi kaunseling, mereka diberi ruang untuk mengekspresikan diri dan mendapatkan sokongan emosi yang diperlukan. Keluarga yang terlibat juga dididik mengenai kepentingan komunikasi yang baik dan perancangan yang teratur untuk menjaga kesejahteraan anak-anak."



Testimoni

Ibu Tunggal Menghadapi Cabaran Selepas Perceraian

Puan Siti, Ibu Tunggal

"Selepas perceraian, saya terpaksa membesarkan tiga anak sendirian. Cabarannya amat besar, tetapi saya mendapat kekuatan daripada sokongan keluarga dan komuniti. Saya juga memastikan bahawa anak-anak saya menerima kaunseling untuk membantu mereka melalui tempoh sukar ini. Melalui pengalaman ini, saya belajar bahawa walaupun hidup selepas perceraian sukar, dengan sokongan dan kesungguhan, kita boleh mengatasi segala rintangan dan membina kehidupan yang lebih baik."

RUJUKAN

Al-Quran & Hadis

- Surah Al-Baqarah, Ayat 229-230
- Surah An-Nisa', Ayat 35:
- Hadis Riwayat Abu Dawud dan Ibnu Majah



Undang-Undang Syariah Malaysia

- Seksyen 47, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003



Kitab-Kitab Fiqh

- Kitab Fiqh Sunnah oleh Sayyid Sabiq
- Al-Mughni oleh Ibn Qudamah
- Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid oleh Ibn Rushd



Lain-lain

- Journal of Islamic Law Studies atau Malaysian Journal of Syariah and Law
- Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan. AL-KAFI 1477



PERCERAIAN: PANDUAN

MEMAHAMI HUKUM SYARIAH



Mohd Redzwan bin Abdul Motalib
Nur Liyana binti Rusli
Nor Fauziana binti Mohd Salleh

